



Surat Kami : 500-UiTM(NC 2/2)  
Tarikh : 16 Mei 2020

Majlis Eksekutif Universiti  
Ahli Mesyuarat Pengurusan Kanan  
Rektor UiTM Cawangan / Dekan Fakulti  
Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit  
Universiti Teknologi MARA

YBhg. Datuk /Dato'/Datin/Profesor/Tuan/Puan

**PEMAKLUMAN BERKAITAN PEKELILING NAIB CANSELOR BILANGAN 15  
TAHUN 2020: PEKELILING PELAKSANAAN PENGOPERASIAN UNIVERSITI  
TEKNOLOGI MARA SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN  
BERSYARAT (PKPB)**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Selaras dengan pengumuman YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, melalui Perutusan Khas Perdana Menteri pada 10 Mei 2020, ingin memaklumkan bahawa pekeliling serta panduan-panduan yang dikeluarkan pada 08 Mei 2020 merupakan dokumen-dokumen rujukan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) sehingga 09 Jun 2020.
3. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 13 Mei 2020 memutuskan bahawa perkhidmatan kerajaan di bawah Kerajaan Persekutuan seluruh negara beroperasi sepenuhnya dengan keberadaan penjawat awam sebanyak 70 peratus.
4. Sehubungan itu, Majlis Eksekutif Universiti (MEU) dalam perbincangan khas bertarikh 14 Mei 2020 telah bersetuju:
  - a. Keberadaan staf UiTM di pejabat pada satu-satu masa adalah dipinda daripada maksima 50 peratus kepada 70 peratus mulai 18 Mei 2020 (Isnin).
  - b. Selebihnya 30 peratus staf (khususnya staf pentadbiran) bekerja silih berganti dan melaksanakan kerja dari rumah.
  - c. Semua staf masih perlu mematuhi panduan-panduan kesihatan dan keselamatan berkaitan COVID-19 dari masa ke semasa, dengan melaksanakan pemeriksaan suhu badan, penjarakan sosial, memakai pelitup muka dan kerap membersihkan tangan.

Surat Kami : 500-UiTM(NC 2/2)  
Tarikh : 16 Mei 2020

5. Bagi membendung penularan COVID-19 di semua kampus UiTM, pemeriksaan dan rekod orang keluar masuk ke kampus perlu diperketatkan.

Surat ini juga membatalkan surat Pemakluman Berkenaan Pekeliling Pelaksanaan Pengoperasian Universiti Teknologi MARA Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bernombor rujukan 500-UiTM (NC 2/2) yang bertarikh 15 Mei 2020.

Sekian, terima kasih.

Yang benar



**PROF EMERITUS DATUK IR DR MOHD AZRAAI KASSIM**  
Naib Canselor